

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' SERI TIONG KING SING**
 : **[BINTULU]**
TARIKH : **26.11.2014 (RABU)**

DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menempatkan pegawai sepenuh masa di stesen-stesen minyak bagi memastikan pengusaha-pengusaha stesen minyak mematuhi peraturan-peraturan penjualan minyak supaya tidak berlaku penyelewengan penjualan bahan bakar ; dan
- (b) berapa banyak lesen penjualan minyak yang dikeluarkan kepada stesen minyak telah ditarik balik sejak 5 tahun kebelakangan ini ekoran menjalankan aktiviti penyelewengan penjualan minyak terutamanya di negeri Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan secara berterusan telah menjalankan sesi *engagement*, perjumpaan, kempen kesedaran dan pemantauan terhadap syarikat-syarikat minyak dan stesen-stesen minyak terutamanya yang mempunyai risiko berlakunya ketirisan atau dikenali sebagai *hotspot*.

Walau bagaimanapun, buat masa ini KPDNKK tidak berhasrat untuk menempatkan pegawai penguatkuasa sepenuh masa di stesen-stesen minyak bagi tujuan memastikan pengusaha-pengusaha stesen mematuhi peraturan-peraturan penjualan minyak. Ketika ini, terdapat lebih dari 3,400 stesen minyak di seluruh negara. Sekiranya hasrat ini dilaksanakan, KPDNKK perlu menempatkan lebih 3,400 orang kakitangan di stesen-stesen minyak bagi tujuan seperti yang dinyatakan. Hasrat ini sukar dilaksanakan memandangkan jumlah kakitangan penguatkuasa sedia ada adalah lebih rendah daripada jumlah stesen minyak yang ada serta tugas hakiki pegawai-pegawai berkenaan bukanlah tertumpu kepada suatu skop sahaja.

Selain daripada inisiatif-inisiatif sedia ada yang telah dilaksanakan, KPDNKK turut memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru sebagai penambahbaikan bagi tujuan membendung aktiviti penyelewengan ini seperti berikut:

- i) Penetapan had kuota jualan diesel dan petrol bagi semua stesen di kawasan sempadan;

- ii) Kawalan statik oleh penguatkuasa di stesen-stesen yang sering dilaporkan mengalami *stock-out* atau menunjukkan trend jualan yang meragukan;
- iii) Menggempur semua *hotspot* penyelewengan bahan petroleum bersubsidi secara berterusan di seluruh Negara melalui Ops Titik; dan
- iv) Melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Pasukan Petugas Khas di bawah Jabatan Peguam Negara.

Di samping itu, KPDNKK telah meningkatkan sesi *engagement* bersama pihak syarikat minyak, persatuan pengusaha stesen minyak dan semua pengusaha-pengusaha yang terlibat secara langsung dalam industri hiliran petroleum negara. Bagi tahun 2014, 3 siri perjumpaan Pengurusan Tertinggi Kementerian bersama pengusaha minyak telah diadakan bagi meningkatkan kefahaman pengusaha meliputi aspek-aspek berikut:

- i) tatacara pengurusan operasi stesen;
- ii) syarat-syarat kebenaran PDA;
- iii) pematuhan undang-undang dan akta berkaitan serta aspek penguatkuasaan; dan
- iv) peraturan timbang sukat di stesen minyak.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi pengusaha stesen minyak yang terlibat menjalankan aktiviti penyelewengan penjualan minyak bersubsidi, pengusaha boleh didakwa di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana melanggar syarat lesen dan boleh ditamatkan Kebenaran PDA kerana melanggar syarat

Kebenaran PDA di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974.

Kementerian sememangnya menjalinkan kerjasama erat dengan syarikat minyak bagi menangani penglibatan pengusaha stesen minyak dalam aktiviti penyelewengan bahan petroleum bersubsidi. Kementerian akan membuat pembatalan Kebenaran PDA bagi mana-mana syarikat yang melanggar syarat-syarat Kebenaran PDA yang diberikan dan dibuktikan bersalah di mahkamah. Bagi tahun ini, terdapat 5 syarikat yang sedang dipertimbangkan untuk pembatalan Kebenaran PDA bergantung kepada keputusan rayuan kes yang sedang dipertimbangkan mahkamah.

Secara umumnya, kes-kes pembatalan PDA sejak 5 tahun kebelakangan ini lebih menjurus kepada Kementerian tidak mempertimbangkan pembaharuan Kebenaran PDA syarikat tersebut. Selain itu, syarikat tersebut juga tidak akan mendapat sokongan daripada syarikat minyak disebabkan rekod urusan yang tidak aktif dan meragukan.